

04/10/1997

Pakar agama tidak semesti ulama

KOTA BHARU, Jumaat - Perkataan ulama bukanlah merupakan sijil bagi seseorang yang pakar dalam ilmuan Islam, kata Mufti Perak, Datuk Harussani Zakaria.

Tetapi, katanya, ia adalah suatu pengiktirafan orang ramai terhadap kemampuan seseorang dalam bidang agama.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempertikaikan mengenai perkataan `ulama' itu sendiri.

Menurutnya, isu mengenai pentafsiran perkataan ulama itu sudah selesai dibincangkan dalam perjumpaan antara 14 mufti dari seluruh negara dengan Perdana Menteri, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Kita sudah jelaskan bahawa ulama itu sendiri bukan suatu certificate, tetapi ia adalah suatu pengiktirafan orang ramai terhadap kemampuan seseorang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, di JKR 10, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu gelaran ulama yang diberikan kepada seseorang mengikut perspektif Islam.

Harussani tiba di sini untuk menjadi salah seorang ahli panel Forum Perdana Ehwat Islam anjuran Majlis Daerah Kuala Krai Utara (MDKKU), di bandar itu, malam ini.

(END)